

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status tender terbuka dan jangkaan permulaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo di daerah Penampang yang mempunyai 24 buah bilik kelas seperti yang diumumkan pada bulan Februari 2019 oleh Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu yang mana projek tersebut pertama kali diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo di Penampang, Sabah telah diluluskan dalam *rolling plan* 1 (Tahun 2016), Rancangan Malaysia Ke-11. Skop projek ini meliputi pembinaan baharu bilik darjah dan kemudahan lain.

Pelaksanaan projek ini adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM telah mendapatkan kelulusan Pelan Pembangunan (*Development Plan*) daripada Pihak Berkuasa Tempatan pada 12 Februari 2019 dan juga kelulusan Pelan Bangunan (*Building Plan*) projek pula pada 19 November 2019.

Sehingga 17 Ogos 2020, projek ini berada di dalam fasa prabina. KPM telah memuktamadkan dokumen tender projek dan diiklankan pada hari ini, iaitu 18 Ogos 2020. Pembinaan projek dijangka bermula pada akhir bulan November 2020.

Sekian, terima kasih.